

PELAKSANAAN PENTAKSIRAN BILIK DARJAH (PBD) DALAM KALANGAN GURU PRA PERKHIDMATAN IPG KAMPUS ILMU KHAS

The Implementation of Classroom Assessment Among Pre-Service Teachers of the Institute of Teacher Education Ilmu Khas Campus

¹Ilhavenil Narinasamy & ²Sharon Lee Leh Hong
^{1,2}Institut Pendidikan Guru Kampus Ilmu Khas

Corresponding author: sharonlee@ipgkik.edu.my

Received: 30/1/2023 Revised: 18/6/2023 Accepted: 7/7/2023 Published: 10/10/2023

ABSTRAK

Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) merupakan pentaksiran yang berterusan di dalam pengajaran dan pembelajaran yang merangkumi pentaksiran untuk pembelajaran, pentaksiran sebagai pembelajaran dan pentaksiran tentang pembelajaran. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti tahap pemahaman, pelaksanaan dan pelaporan PBD di kalangan siswa guru yang telah didedahkan dengan kursus EDUP3063 Pentaksiran dalam Pendidikan di Institut Pendidikan Guru Kampus Ilmu Khas. Reka bentuk kajian dilaksanakan secara kuantitatif dengan menggunakan sampel bertujuan yang melibatkan seramai 218 orang siswa guru Semester Tiga Tahun 2. Pengumpulan data dijalankan melalui instrumen soal-selidik yang telah diberikan kepada siswa guru tersebut. Data kajian dianalisis menggunakan SPSS Versi 24. Dapatan kajian menunjukkan tahap pemahaman, pelaksanaan dan pelaporan PBD di kalangan siswa guru adalah pada tahap tinggi. Namun begitu, terdapat ruang yang perlu ditambah baik dari segi kandungan kursus untuk pemahaman siswa guru dari segi moderasi dalam PBD dan pengisian dalam templat pelaporan PBD.

Kata kunci: *pentaksiran bilik darjah, formatif, moderasi, pelaporan*

ABSTRACT

Classroom assessment (PBD) is a continuous assessment in teaching and learning that includes assessment for learning, assessment as learning, and assessment about learning. This study aims to identify the level of understanding, implementation, and reporting of classroom assessment among pre-service teachers who have been exposed to the EDUP3063 Assessment in Education course at the Institute of Teacher Education Ilmu Khas Campus. The research design is carried out quantitatively using purposive sampling involving a total of 218 Semester Three Year 2 pre-service teachers. Data collection was carried out through a questionnaire that was given to the pre-service teachers. The research data was analyzed using SPSS Version 24. The research findings showed that the level of understanding, implementation, and reporting of PBD among student teachers is at a high level. Nevertheless, there is room for improvement in terms of course content for pre-service teachers' understanding in terms of moderation in Classroom Assessment and filling in the Classroom Assessment reporting template.

Keywords: *classroom assessment, formative, moderation, reporting*

PENGENALAN

Pentaksiran dalam pendidikan bukanlah perkara yang baharu, malah telah dilaksanakan lebih daripada dua ratus tahun dahulu (DeLuca & Johnson, 2017; Pollitt, 2012). Pentaksiran sumatif merupakan pendekatan utama yang telah dilaksanakan oleh semua pendidik lebih dua ratus tahun dahulu secara global. Namun pada abad ke-21, pentaksiran bilik darjah (PBD) telah dipergiatkan dan diberi perhatian sejak beberapa tahun kebelakangan ini untuk menambah baik aktiviti pengajaran dan pembelajaran di

dalam bilik darjah (Barnes et al., 2017; Black, 2014; Black & Wiliam, 2009). Ini disebabkan terlalu banyak penekanan telah diberikan kepada ujian dan peperiksaan sehingga proses memperoleh pengetahuan, kemahiran dan nilai telah diabaikan. PBD merupakan proses berterusan di dalam bilik darjah untuk mendapatkan maklumat tentang kemajuan dan kebolehan murid serta maklumat yang diperolehi dianalisis untuk membolehkan pendidik mengambil tindakan susulan yang sewajarnya (Bahagian Pembangunan Kurikulum, 2016). Sehubungan dengan itu, pada tahun 2011, Kementerian Pendidikan Malaysia telah melancarkan kajian semula secara menyeluruh terhadap sistem pendidikan di Malaysia (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2013). Kajian semula tersebut telah menghasilkan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025. Matlamat utamanya adalah untuk melengkapkan pelajar secara holistik untuk bersaing dalam ekonomi dan sosial global pada abad ke-21. Terdapat enam atribut yang diperlukan oleh setiap murid untuk berdaya saing di peringkat global iaitu pengetahuan, kemahiran berfikir, kemahiran kepimpinan, kecekapan dwibahasa, etika dan kerohanian serta identiti nasional yang selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Pada masa itu juga, Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) bagi prasekolah, sekolah rendah dan sekolah menengah telah digubal di mana PBD adalah sebahagian daripada pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah. Bukan itu sahaja, PBD yang merupakan salah satu komponen di bawah Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) telah dimulakan secara rasmi pada tahun 2011 oleh Lembaga Peperiksaan Malaysia berdasarkan Surat Siaran Lembaga Peperiksaan Bil. 3 tahun 2011 bertarikh 29 Julai 2011 (Bahagian Pembangunan Kurikulum, 2016).

Namun demikian, guru masih menghadapi cabaran dalam pelaksanaan PBD walaupun telah lebih sepuluh tahun PBD dilaksanakan di negara ini (Arumugham, 2020; Khamis & Selamat, 2019). Contohnya, guru kurang kemahiran pedagogi untuk melaksanakan pentaksiran untuk pembelajaran seperti soal-jawab yang efektif bagi meningkatkan pembelajaran murid. Guru juga kurang memberi maklum balas kepada murid supaya murid dapat menambah baik hasil pembelajaran mereka (Sardareh, 2016; Sardareh et al., 2014). Malah di peringkat global, isu PBD masih dipertikaikan. DeLuca dan Johnson (2017) menegaskan bahawa pendidik kekurangan pengetahuan dan kemahiran yang mencukupi dalam pentaksiran, terutamanya pendidik pra perkhidmatan yang memperoleh pengetahuan pentaksiran secara singkat atau secara berpecah belah daripada program pendidikan guru di mana pengetahuan tenaga pengajar tentang pentaksiran boleh dipersoalkan. Selain itu, kajian yang dilaksanakan oleh Mahaya et al. (2019) mendapati guru kurang pengetahuan tentang pentaksiran menyebabkan guru gagal merancang pengajaran dan mencungkil potensi sebenar murid serta menyediakan laporan yang komprehensif kepada ibu bapa. Di samping itu, kajian yang dilaksanakan oleh Isa et al. (2020) menunjukkan 58 orang guru sekolah rendah masih tertumpu terhadap peperiksaan sebagai PBD kerana tidak mampu mengubah pemikiran pembelajaran berorientasikan peperiksaan. Berdasarkan cabaran yang dikemukakan di atas, adalah wajar tunjuk ajar dan bimbingan diberikan kepada para guru, terutama kepada guru pra perkhidmatan. Ini disebabkan guru pra perkhidmatan akan mempunyai tempoh yang lama dalam perkhidmatan pendidikan untuk mendidik murid-murid dengan baik supaya pembelajaran murid-murid tidak terjejas. Guru pra perkhidmatan dalam semua institusi pendidikan guru baik di dalam negara atau di peringkat global menerima latihan dan bimbingan tentang PBD atau kursus pentaksiran dalam pendidikan, namun kurang kajian dilaksanakan tentang keberkesanan latihan pentaksiran yang diterima oleh guru pra perkhidmatan (DeLuca & Johnson, 2017; Schelling & Rubenstein, 2023). Oleh itu, kajian ini perlu dilaksanakan dalam kalangan guru pra perkhidmatan untuk mengetahui tahap pemahaman, pelaksanaan dan pelaporan PBD supaya hasil kajian dapat mencorak langkah untuk menambah baik kursus pentaksiran di institusi pendidikan guru ini. Maka, kajian kuantitatif ini bertujuan menjawab soalan berikut:

- a. Apakah tahap pemahaman PBD di kalangan guru siswa?
- b. Apakah tahap pelaksanaan PBD di kalangan guru siswa?
- c. Apakah tahap pelaporan PBD di kalangan guru siswa?

Hasil penyelidikan ini diharap dapat memaklumkan sama ada kursus yang didedahkan kepada siswa guru adalah berkesan dan juga untuk menambah baik teknik pengajaran dan pembelajaran serta kandungan kursus yang sedia ada.

PENTAKSIRAN BILIK DARJAH

PBD secara umumnya dibahagikan kepada tiga jenis: Pentaksiran tentang Pembelajaran, Pentaksiran sebagai Pembelajaran dan Pentaksiran untuk Pembelajaran (Pattalitan Jr., 2016). PBD di negara ini memegang prinsip yang sama. 'Pentaksiran untuk pembelajaran' berlaku apabila guru memberi maklum balas yang kepada murid berdasarkan inferens kemajuan pelajar melalui pemerhatian, anekdot, sesi soal jawab, ujian mudah dan sebagainya. Ini memotivasikan dan menggalakkan murid untuk meningkatkan pembelajaran mereka. 'Pentaksiran sebagai pembelajaran' menggalakkan murid merefleksi kemajuan pembelajaran mereka serta memantau kemajuan dan prestasi pembelajaran mereka untuk mencapai tahap yang lebih tinggi. 'Empowerment' atau bidang kuasa diberikan kepada pelajar untuk bertanya soalan reflektif dan merancang pelbagai strategi untuk meningkatkan pembelajaran. 'Pentaksiran tentang pembelajaran' boleh dianggap sebagai pentaksiran sumatif di mana guru membuat pentaksiran terhadap tahap pencapaian pelajar ke atas standard pembelajaran tertentu dengan menggunakan ujian kertas dan pensel atau projek.

Di kebanyakan negara di Asia, pelaksanaan PBD masih menjadi isu yang berterusan kerana kekurangan kemudahan asas sekolah (Leong, 2014). Guru menghadapi masalah melaksanakan PBD disebabkan kekurangan bilik darjah yang perlu menampung lebih tiga puluh murid di dalam bilik darjah. Oleh itu, guru memerlukan lebih banyak masa untuk mentaksir murid. Capaian internet yang lemah di kebanyakan sekolah juga merupakan masalah kepada guru yang perlu mengunci data PBD ke dalam sistem. Tambahan pula, negara seperti Hong Kong, Singapura, Korea dan China masih menganggap ujian atau peperiksaan mempunyai kepentingan tinggi untuk mengekalkan standard tinggi supaya dapat bersaing dalam ukuran pencapaian pendidikan antarabangsa seperti TIMSS dan PISA. Walau bagaimanapun, landskap peperiksaan dan penilaian di negara-negara Asia, terutamanya di Singapura telah disemak dan diperhalusi untuk menyokong pelaksanaan PBD bagi meningkatkan pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah supaya pelajar menghadapi cabaran global (Leong, 2014; Yun-Yee Cheong, 2018). Di negara ini pula, pada tahun 2019, pemansuhan peperiksaan pertengahan tahun dan peperiksaan akhir tahun bagi tahap satu (Tahun 1, Tahun 2 dan Tahun 3) di sekolah rendah diwartakan dalam Surat Siaran KPM Bil 14 Tahun 2018. Dengan pemansuhan peperiksaan tersebut, ini bermakna guru-guru harus melaksanakan PBD dengan sepenuhnya (pentaksiran formatif dan sumatif) bagi meningkatkan aktiviti instruksional di dalam bilik darjah (Ilhavenil & Nor'Aidah, 2018) dengan memberi tumpuan kepada konsep pembelajaran yang berorientasikan perkembangan murid dan menyemai nilai-nilai murni berbentuk rutin harian untuk membentuk karektor murid.

Namun demikian, PBD terutama dalam pentaksiran formatif masih tidak dilaksanakan secara meluas oleh pendidik berdasarkan kajian yang dilakukan (Black & Wiliam, 1998, 2003; Black et al., 2004). Ramai pendidik berasa lebih mudah untuk melaksanakan amalan biasa seperti pentaksiran sumatif yang melibatkan ujian dan peperiksaan kerana ia adalah lebih mudah jika dibandingkan dengan PBD. Rutin biasa termasuk hafalan dan tidak memerlukan kemahiran berfikir aras tinggi dalam kalangan pelajar dan terlalu menekankan fungsi penggredan (Black, 1998). Pendidik berpandangan PBD lebih sukar dilaksanakan kerana ia memerlukan masa dan usaha. Di peringkat global, masalah atau cabaran yang sering diketengahkan ialah pendidik tidak berbincang sesama mereka atau menyemak secara kritis tentang jenis soalan yang mereka hantar kepada pelajar sama ada dalam bentuk lisan atau bertulis dan juga jenis kaedah atau strategi pembelajaran yang lain agar akauntabiliti pentaksiran berlaku (Black, 1998; DeLuca & Johnson, 2017). Di peringkat tempatan pula, menggubal item soalan aras rendah seolah-olah menjadi kerja harian guru kerana ia lebih mudah dilakukan (Sardareh & Mohd Rashid, 2013). Ramai pendidik juga gemar menggunakan penggredan kerana ia kelihatan perkara paling mudah untuk dilakukan, sekali gus membawa kepada kegagalan pentaksiran sendiri oleh murid kerana mereka tidak mempunyai idea yang komprehensif tentang cara mentaksir pembelajaran mereka sendiri.

Selain itu, kajian meta-analisis terbaharu yang dijalankan oleh Rosli et al. (2022) mendedahkan ketidakkonsistenan dalam kalangan guru sekolah rendah Malaysia yang melaporkan tentang pemahaman guru tentang PBD. Kajian yang dilaksanakan oleh Arumugham (2020) dan Dorin dan

Yasin (2019) menunjukkan guru masih memerlukan tunjuk ajar dan bimbingan untuk mengintegrasikan pentaksiran dalam pengajaran dan pembelajaran mereka. Walau bagaimanapun, kajian yang dilaksanakan oleh Salleh et al. (2019) menunjukkan guru memahami pendekatan dalam pentaksiran untuk pembelajaran, pentaksiran tentang pembelajaran dan pentaksiran sebagai pembelajaran. Tambahan pula, kajian yang dilaksanakan oleh Ilhavenil et al. (2020) menunjukkan persepsi guru terhadap pentaksiran bilik darjah berdasarkan Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) bagi KSSR (Semakan 2017) adalah pada tahap min sederhana tinggi. Ini menunjukkan guru menganggap mereka boleh mentaksir pelajar melalui pelbagai aktiviti pengajaran dan pembelajaran dan juga mengukur pencapaian pelajar menggunakan pelbagai kaedah penilaian. Dapatan yang kurang konsisten ini menunjukkan lebih banyak kajian harus dilaksanakan untuk mengumpul data tentang PBD, lebih-lebih lagi dalam kalangan guru pra perkhidmatan.

METODOLOGI

Reka bentuk kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif dengan menggunakan instrumen soal-selidik. Instrumen soal-selidik telah diadaptasi daripada instrumen Kajian Pelaksanaan Bilik Darjah Tahap Satu yang telah dibina oleh Wan Nor Fadhilah et al. (2021) yang mempunyai tiga konstruk iaitu Pemahaman PBD, Pelaksanaan PBD dan Pelaporan PBD. Daripada 25 item, hanya 18 item digunakan kerana item-item tersebut sesuai untuk guru pra perkhidmatan. Maka, satu ujian pra dilaksanakan untuk memastikan kejelasan arahan dan item-item dalam soal-selidik supaya tiada kekaburan dalam soalan dan item-item tersebut (Memon et al., 2017; Sekaran & Bougie, 2016). Pengumpulan data telah dijalankan secara dalam talian. Menurut Creswell dan Clark (2014), kajian yang dilaksanakan dalam talian mempunyai kelebihan dari segi penjimatan kos dan sebaran laju. Ia juga dapat menghindarkan kesalahan memindahkan respons ke dalam pangkalan data yang boleh disebabkan oleh ralat manusia (Andrews et al., 2003). Persampelan kajian adalah terdiri daripada 320 orang guru pra perkhidmatan yang telah didedahkan kursus EDUP 3063 Pentaksiran Dalam Pendidikan. Daripada 320 siswa guru, hanya 218 siswa guru telah menjawab soal-selidik tersebut yang mengambil masa hanya 10 minit. Instrumen soal-selidik digunakan dengan skala Likert 5 mata (1=Sangat tidak setuju, 2=Tidak setuju, 3=Tidak pasti 4=Setuju dan 5=Sangat setuju).

ANALISIS DATA

Data dianalisis menggunakan perisian IBM SPSS 24.0. Dapatan deskriptif dilaporkan dalam bentuk min, minimum, maksimum dan sisihan piawai. Interpretasi min juga dilaporkan. Jadual 1 menunjukkan interpretasi min untuk kajian ini. Kebolehpercayaan dalaman menggunakan *Cronbach Alpha* telah dijalankan untuk memastikan pengukuran yang konsisten merentas pelbagai item dalam instrumen dan item tersebut 'bersatu sebagai satu set' (Segaran & Bougie, 2016).

Jadual 1

Intepretasi Min

Nilai Min	Interpretasi
1.00 – 2.00	Rendah
2.01 – 3.00	Sederhana Rendah
3.01 – 4.00	Sederhana Tinggi
4.01 – 5.00	Tinggi

Nota: Diambil daripada Psychometric Theory (2 nd ed.), oleh Nunnaly, J. C. (1978)

DAPATAN

Kebolehpercayaan pekali menunjukkan nilai *Alpha Cronbach* yang boleh diterima melebihi 0.7 (Hair et al., 2010). Kebolehpercayaan nilai Alpha Cronbach bagi konstruk Pemahaman PBD, Kebolehlaksanaan PBD dan Pelaporan PBD yang dilaksanakan dalam kajian ini adalah .85, .90 dan .91. Jadual 2 menunjukkan dapatan min, dan sisihan piawai bagi semua konstruk dalam kajian PBD manakala Jadual 3 menunjukkan dapatan minimum, maksimum, min dan sisihan piawai bagi semua item.

Jadual 2

Min dan Sisihan Piawai bagi Semua Konstruk

Konstruk	Bil Item	Min	Sisihan Piawai	Intepretasi Min
Pemahaman PBD	6	4.39	0.46	Tinggi
Kebolehlaksanaan PBD	8	4.40	0.48	Tinggi
Pelaporan PBD	4	4.28	0.56	Tinggi

Jadual 3

Maksimum, Minimum, Min dan Sisihan Piawai bagi Semua Item

Bil	Item	Minimum	Maksimum	Min	Sisihan Piawai
1	Saya memahami penerangan bagi setiap tahap penguasaan dalam Standard Prestasi yang dinyatakan dalam DSKP.	3	5	4.36	0.601
2	Saya memahami tujuan PBD.	3	5	4.48	0.570
3	Saya memahami konsep pentaksiran formatif di dalam bilik darjah	3	5	4.49	0.554
4	Saya memahami konsep pentaksiran sumatif di dalam bilik darjah.	3	5	4.50	0.570
5	Saya memahami perbezaan antara pentaksiran untuk pembelajaran dan pentaksiran sebagai pembelajaran.	2	5	4.31	0.700
6	Saya memahami proses moderasi dalam pentaksiran bilik darjah.	2	5	4.17	0.663
7	Saya dapat menyatakan objektif pembelajaran dengan jelas.	3	5	4.45	0.607
8	Saya dapat merancang aktiviti PdP selaras dengan objektif pembelajaran yang ditetapkan.	3	5	4.42	0.589

9	Saya dapat merancang kaedah pentaksiran sesuai dengan aktiviti PdP yang dijalankan.	3	5	4.39	0.636
10	Saya dapat menyediakan instrumen pentaksiran yang sesuai dengan aktiviti PdP yang dijalankan.	2	5	4.27	0.660
11	Saya akan memberi peluang kepada murid untuk mentaksir rakan mereka semasa PdP.	2	5	4.41	0.639
12	Saya akan memberi peluang kepada murid untuk menjalankan pentaksiran sendiri semasa dan selepas PdP.	2	5	4.44	0.636
13	Saya dapat menentukan tahap penguasaan murid berdasarkan Standard Prestasi.	2	5	4.39	0.650
14	Saya akan memberi maklum balas kepada murid tentang prestasi mereka selepas pentaksiran.	3	5	4.46	0.584
15	Saya dapat merekod pencapaian murid dengan menggunakan templat pelaporan yang disediakan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia.	3	5	4.26	0.672
16	Saya dapat memberikan ulasan perkembangan pengetahuan murid.	3	5	4.30	0.635
17	Saya dapat memberikan ulasan perkembangan kemahiran murid.	3	5	4.30	0.621
18	Saya dapat memberikan ulasan perkembangan nilai murid.	2	5	4.26	0.623

Di bawah konstruk Pemahaman PBD, min tertinggi ialah ‘Saya memahami konsep pentaksiran sumatif di dalam bilik darjah’ (4.50), diikuti dengan ‘Saya memahami konsep pentaksiran formatif di dalam bilik darjah’ manakala min terendah ialah ‘Saya memahami proses moderasi dalam pentaksiran bilik darjah’ (4.17). Ini menunjukkan para pelajar memahami konsep formatif dan sumatif dalam pentaksiran. Selain itu, di bawah konstruk Kebolehlaksanaan PBD, min tertinggi ialah ‘Saya akan memberi maklum balas kepada murid tentang prestasi mereka selepas pentaksiran’ (4.46) dan min terendah ialah ‘Saya dapat menyediakan instrumen pentaksiran yang sesuai dengan aktiviti PdP yang dijalankan’ (4.27). Tambahan pula, di bawah konstruk Pelaporan PBD, min tertinggi ialah ‘Saya dapat memberikan ulasan perkembangan pengetahuan murid’(4.30) dan ‘Saya dapat memberikan ulasan perkembangan kemahiran murid’(4.30), manakala min terendah pula ialah ‘Saya dapat merekod pencapaian murid dalam templat pelaporan yang disediakan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia’ (4.26) dan ‘Saya dapat memberikan ulasan perkembangan nilai murid’(4.26).

PERBINCANGAN

Secara keseluruhan, guru pra perkhidmatan beranggapan mereka dapat memahami konsep pentaksiran bilik darjah (PBD), dapat melaksanakan PBD di dalam bilik darjah serta dapat membuat pelaporan PBD

kepada pihak berkepentingan seperti ibu bapa. Ini terbukti dengan ketiga-tiga min bagi konstruk tersebut menunjukkan interpretasi min yang tinggi.

Pemahaman dalam PBD merupakan satu konstruk yang penting kerana pemahaman yang kurang mantap dalam PBD akan membawa kepada masalah pelaksanaan PBD. Beberapa kajian yang telah dijalankan menunjukkan masih ada guru yang kurang pengetahuan tentang pentaksiran secara keseluruhan (Mahaya et al., 2019; Rosli et al., 2022). Namun demikian, dapatan dalam kajian ini menunjukkan pelajar memahami konsep PBD yang melibatkan pentaksiran formatif dan sumatif. Dapatan ini disebabkan para pelajar telah didedahkan dengan konsep PBD dalam kursus pentaksiran mereka. Pengetahuan tentang konsep asas dan tujuan pengujian, pengukuran, penilaian dan pentaksiran 'serta jenis-jenis pentaksiran seperti pentaksiran formatif dan pentaksiran sumatif didedahkan dalam kursus 'Pentaksiran dalam Pendidikan'. Walaupun secara keseluruhan konstruk pemahaman PBD mendapat min yang tinggi, tumpuan perlu diberikan kepada item 'Saya memahami proses moderasi dalam pentaksiran bilik darjah' yang mendapat min terendah kerana guru pra perkhidmatan masih belum didedahkan cara moderasi dilaksanakan secara praktikal walaupun elemen moderasi telah dijelaskan dalam kuliah. Latihan secara praktikal boleh ditunjuk ajar dalam kuliah untuk memantapkan pemahaman guru pra perkhidmatan tentang konsep moderasi.

Dari segi Pelaksanaan dalam PBD, walaupun dalam kajian ini konstruk tersebut mendapat min interpretasi yang tinggi, ia masih merupakan persepsi guru pra perkhidmatan yang beranggapan boleh melaksanakan PBD dengan yakin. Ini mungkin disebabkan guru pra perkhidmatan telah didedahkan dengan kursus 'Pentaksiran dalam Pendidikan' semasa di kampus. Di samping itu, semasa kursus 'Pentaksiran dalam Pendidikan', guru pra perkhidmatan perlu menyediakan Rancangan Pengajaran Harian (RPH) yang melibatkan pentaksiran dan menyediakan pelbagai instrumen pentaksiran supaya hasil pembelajaran tercapai. Walau bagaimanapun pentadbir sekolah termasuk guru kanan mata pelajaran dan ketua panitia perlu membimbing guru-guru baharu supaya pemahaman dan pelaksanaan PBD bertambah mantap. Para guru perlu menerima latihan berterusan dalam perkhidmatan dari segi pedagogi seperti teknik penyilaian yang berkesan serta maklum balas yang bermakna kepada murid untuk mempertingkatkan pembelajaran mereka (Ilhavenil & Nor'Aidah, 2018; Sardareh, 2016).

Selain itu, konstruk Pelaporan PBD merupakan min terendah di antara tiga konstruk walaupun interpretasi min adalah tinggi. Min item terendah ialah 'Saya dapat merekod pencapaian murid dalam templat pelaporan yang disediakan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia' dan 'Saya dapat memberikan ulasan perkembangan nilai murid' walaupun tidak serendah item moderasi di bawah konstruk Pemahaman PBD. Guru pra perkhidmatan telah didedahkan dengan templat pelaporan dan latihan aktiviti merekod dijalankan semasa kursus dilaksanakan namun kemungkinan para guru pra perkhidmatan kurang yakin memberi ulasan perkembangan murid dalam templat pelaporan terutama tentang nilai murid-murid tersebut kerana belum ditempatkan di sekolah. Dalam kursus EDUP3063 Pentaksiran Dalam Pendidikan, semua siswa guru didedahkan dengan pelaporan dalam pentaksiran yang boleh dijelmakan dengan pelbagai bentuk mengikut tren dan budaya sesebuah negara, negeri, daerah atau sekolah. Namun begitu, semenjak Dokumen Standard dan Pentaksiran (DSKP) diperkenalkan dalam Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) pada tahun 2014, templat pelaporan PBD juga dibangunkan untuk membantu para guru mengisi Tahap Penguasaan (TP) murid di dalam templat tersebut mengikut Standard Prestasi yang tertera dalam DSKP. Oleh itu, para guru pra perkhidmatan juga didedahkan dengan templat pelaporan PBD untuk memudahkan mereka mengisi butiran tentang pencapaian murid termasuk ulasan perkembangan murid di dalam templat pelaporan tersebut apabila mereka ditempatkan di sekolah kelak.

PENUTUP

Walaupun ketiga-tiga konstruk di dalam kajian ini yang menunjukkan min interpretasi yang tinggi, usaha yang lebih perlu dilaksanakan untuk memastikan para guru pra perkhidmatan mempunyai kompetensi yang tinggi dari segi pengetahuan dan kemahiran dalam pentaksiran. Ini adalah disebabkan literasi pentaksiran merupakan kompetensi penting untuk para pendidik dalam abad ke-21 untuk mencapai

matlamat pembelajaran murid (DeLuca & Johnson, 2017). Maka, usaha berterusan harus dijalankan terutama dalam pendidikan guru untuk meningkatkan pengetahuan pedagogi, pelbagai bentuk pengajaran dan kemahiran insaniah di kalangan guru (Shawer, 2017). Dengan ini, matlamat kurikulum akan tercapai seperti yang dihasratkan dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan.

Penghargaan

Ribuan terima kasih diucapkan kepada Prof. Madya Dr. Dorothy Dewitt yang telah memberi ulasan dan pandangan beliau terhadap artikel kami.

Kenyataan konflik kepentingan

Tiada potensi konflik kepentingan dilaporkan oleh penulis.

RUJUKAN

- Andrews, D., Nonnecke, B., & Preece, J. (2003). Electronic survey methodology: A case study in reaching hard to involve internet users. *International Journal of Human-Computer Interaction*, 16(2), 185-210. https://doi.org/10.1207/S15327590IJHC1602_04
- Arumugham, K. S. (2020). Kurikulum, pengajaran dan pentaksiran dari perspektif pelaksanaan pentaksiran bilik darjah. *Asian People Journal (APJ)*, 3(1), 152–161.
- Bahagian Pembangunan Kurikulum. (2016). *Panduan Pelaksanaan Pentaksiran Sekolah*. Bahagian Pembangunan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Barnes, N., Fives, H., & Darcey, C. M. (2017). US teachers' conceptions of the purposes of assessment. *Teaching and Teacher Education*, 65, 107-116. <https://doi.org/10.1016/j.tate.2017.02.017>
- Black, P. (2014). Assessment and the aims of the curriculum. An explorer's journey. *Prospects*, 44, 487-501.
- Black, P., & Wiliam, D. (1998). Assessment and classroom learning. *Assessment in Education*, 5(1), 7-71.
- Black, P., & Wiliam, D. (2003). 'In praise of educational research': formative assessment. *British Educational Research Journal*, 29 (5), 623-637.
- Black, P., & Wiliam, D. (2009). Developing the theory of formative assessment. *Education Assessment, Evaluation and Accountability*, 21(1), 5-31.
- Black, P., & Wiliam, D. (2018). Classroom assessment and pedagogy. *Assessment in Education: Principles, Policy and Practice*, 25(6), 551–575. <https://doi.org/10.1080/0969594X.2018.1441807>
- Creswell, J. W., & Clark, V. L. P. (2014). *Understanding research: A consumer's guide*. Pearson Higher Ed.
- DeLuca, C. & Johnson, S. (2017). Developing assessment capable teachers in this age of accountability. *Assessment in Education: Principles, Policy & Practice*, 24(2), 121-126.
- Dorin, A. D., & Yasin, R. M. (2019). Tahap kesediaan guru terhadap pelaksanaan pentaksiran bilik darjah (PBD). *The International Conference of Future Education and Advances (ICOFEA) 2019*, 8–15.

- Ilhavenil Narinasamy, & Nor'Aidah Nordin. (2018). Implementing classroom assessment in Malaysia: An investigation. *Jurnal Kurikulum*, 3, 55-63.
- Ilhavenil N., Logeswari A., Siew, S. K., & Sudiman Musa. (2020). Teachers' perceptions on the implementation of KSSR (Revised 2017) and KSSM: An online survey. *Jurnal Kurikulum*, 5, 153-163.
- Isa, A. M., Mydin, A., Abdullah, A. G. K., & Rasidi, M. W. F. (2020). Transformasi pendidikan tahap 1: Peperiksaan ke pentaksiran bilik darjah (PBD), kesan terhadap autonomi guru. In Habidin, N.F., Chik, T.W.T., Yong, S.Y.O., Muhammad, U.A., & Fuzi, N.M., *Isu dan cabaran dalam pendidikan: Strategi dan inovasi* (pp. 218–231). Kaizentrenovation Sdn. Bhd.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2013). *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025*. Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Khamis, S., & Selamat, A. (2019). The use of feedback in the classroom assessment: A case study. *International Journal of Academic Research in Progressive Education and Development*, 8(3), 325–334.
- Leong, W. S. (2014). Knowing the intentions, meaning and context of classroom assessment: a case study of Singaporean teacher's conception and practice. *Studies in Educational Evaluation*, 43, 70-78.
- Mahaya Salleh, Azizah Sarkowi, Mohd Fairuz Jafar, Zakaria Mohd Arif & Hariyanti Abd Hamid. (2019). Tahap literasi guru terhadap pendekatan dalam pentaksiran bilik darjah. *Seminar Antarabangsa Isu-Isu Pendidikan (ISPEN 2019)*. 12-24.
- Memon, M. A., Ting, H., Ramayah, T., & Chuah, F. (2017). A review of the methodological misconceptions and guidelines related to the application of structural equation modeling: A Malaysian scenario. *Journal of Applied Structural Equation Modeling*, 1(1), i-xiii. <https://jasemjournal.com/home/archive/vol-1-issue-1/>
- Pattalitan Jr, A. P. (2016). The implications of learning theories to assessment and instructional scaffolding techniques. *American Journal of Educational Research*, 4(9), 696-700.
- Pollitt, A. (2012). Comparative judgement for assessment. *International Journal of Technology and Design Education*, 22, 157-170.
- Rosli, R., Mokhsein, S. E., & Suppian, Z. (2022). Classroom Assessment Practices in Malaysian Primary Schools: A Meta-Analysis. *International Journal of Academic Research in Progressive Education and Development*, 11(1), 97–111.
- Sadareh, S. A. (2016). Formative feedback in a Malaysian primary school ESL context. *The Malaysian Online Journal of Educational Sciences*, 4(1), 1-8. <https://mojes.um.edu.my/article/view/12640>.
- Sadareh, S. A., & Mohd Rashid, M. S. (2013). Defining assessment for learning: A proposed definition from a sociocultural perspective. *Life Science Journal*, 10(2), 2493-2497. http://www.lifesciencesite.com/ljs/life1002/345_B01100life1002_2493_2497.pdf
- Sadareh, S. A., Saad, M., Othman, A., & Me, R. (2014). ESL teachers' questioning technique in an assessment for learning context: Promising of problematic? *International Education Studies*, 7(9), 161-174. <https://doi.org/10.5539/ies.v7n9p161>.

- Salleh, M., Sarkowi, A., Jafar, M. F., Arif, Z. M., & Hamid, H. A. (2019). Tahap literasi guru terhadap pendekatan dalam pentaksiran bilik darjah. *Seminar Antarabangsa Isu-Isu Pendidikan (ISPEN 2019)*, 12–24.
- Schelling, N., & Rubenstein, L. D. (2023). Pre-service and in-service assessment training: Impacts on elementary teachers' self-efficacy, attitudes, and data-driven decision making practice. *Assessment in Education: Principles, Policy & Practice*, 30 (2), 177-202, <https://doi.org/10.1080/0969594X.2023.2202836>
- Segaran, U., & Bougie, R. (2016). *Research methods for business: A skill building approach*. (7th ed.). Wiley.
- Shawer, S. F. (2017). Teacher-driven curriculum development at the classroom level: Implications for curriculum, pedagogy and teacher training. *Teaching and Teacher Education*, 63, 296-313.
- Wan Nor Fadzilah, W. H., Ilhavenil, N., & Logeswari, A. M. P. (2021). Pembinaan dan pengesahan instrumen kajian pelaksanaan pentaksiran bilik darjah tahap satu: Satu analisis faktor. *Jurnal Kurikulum*, 6, 43-55. [file:///C:/Users/User/Downloads/Jurnal%20Kurikulum%20BPK%202021%20Edisi%20ke-6%20\(1\).pdf](file:///C:/Users/User/Downloads/Jurnal%20Kurikulum%20BPK%202021%20Edisi%20ke-6%20(1).pdf)
- Yun-Yee Cheong. (2018). Assessment in Singapore: Perspectives for classroom practice. *Assessment in Education: Principles, Policy & Practice*, 25(6), 678-682. <https://doi.org/10.1080/0969594X.2017.1309354>